

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**SEMPENA SEMINAR DAN SOSIALISASI UNIMAP BERSAMA MASYARAKAT
MEDAN PADA 22 MAC 2014**

DI RUANG GELORA, HOTEL MADANI, MEDAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Ilmu,
Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

SALUTASI

Yang Berbahagia....

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Seterusnya pemimpin-pemimpin masyarakat Medan yang sudi hadir pada program petang ini. Terima kasih saya ucapkan.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan pada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat dariNya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini untuk *Seminar dan Sosialisasi UniMAP Bersama*

Masyarakat Medan dan Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI) antara UniMAP dan IT&B Campus, Medan. Saya kira program ini bakal membawa manfaat kepada UniMAP amnya dan Medan khususnya.

2. Terlebih dahulu, sekalung penghargaan, tahniah dan terima kasih buat Koordinator Kopertis Wilayah I, Prof, Dr. Dian Armanto, kerana telah menyokong acara ini sehingga berjaya.
3. Terima kasih juga kepada para rektor PTS yang turut menyumbangkan tenaga terutamanya kepada Rektor ITM, Prof. Ilmi Abdullah yang telah banyak membantu acara ini. Terima kasih juga saya sampaikan kepada Rektor, Dekan, Profesor, dan Pensyarah daripada pelbagai universiti. Tidak lupa juga buat jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan kelansungan dan kelancaran program pada hari ini. Semoga segala usaha dan matlamat penganjuran Program ini akan tercapai sekali gus memberikan manfaat yang cukup besar untuk kita semua.

Hadirin sekalian

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

4. Di sini saya ingin berkongsi sedikit sebanyak mengenai UniMAP dan memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali UniMAP dengan lebih dekat lagi. UniMAP merupakan sebuah universiti kejuruteraan dan merupakan Universiti awam ke- 17 di Malaysia.
5. Ia ditubuhkan pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada 1 Februari 2007, KUKUM melalui penjenamaan semula telah ditukar namanya menjadi UniMAP. Setelah 12 tahun kewujudannya, UniMAP kini telah mempunyai 6 program pengajian diploma, 21 program pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (di Indonesia disebut S-1 Teknik), 13 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan;

6. Sementara itu, UniMAP juga turut menawarkan dua program perniagaan iaitu 1 program Perniagaan Antarabangsa atau International Business (di Indonesia disebut S-1 Perdagangan Internasional), satu program Keusahawanan Kejuruteraan atau Entrepreneur Engineering (di Indonesia disebut S-1 Teknik Kewirausahawanan). Pada tahun ini UniMAP buat pertama kalinya akan menawarkan program sains sosial iaitu Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Semua pusat pengajian menawarkan program pengajian peringkat doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan dan perniagaan.
7. Untuk makluman, antara program yang digalakkan oleh UniMAP ialah membangun networking dengan pelbagai universiti antarabangsa. Sehingga kini UniMAP telah menandatangani naskah MOU dengan 131 universiti yang meliputi Eropah dan Asia, dan pelbagai kegiatan telahpun dilakukan sebagai implementasi daripada kerjasama MOU tersebut.

HUBUNGAN UniMAP DAN INDONESIA

Hadirin yang saya hormati sekalian

8. Saya pasti kita telah sedia maklum bahawa hubungan antara Malaysia dan Indonesia sangat erat dan UniMAP bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat Indonesia bahkan Menteri Badan Usaha Milik Negara, Bapak Dahlan Iskan merupakan Profesor Tamu di UniMAP. Indonesia merupakan negara pertama yang menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama UniMAP yang melibatkan Universitas Trisakti pada tahun 2006 dan sehingga kini jumlah keseluruhan MoU yang telah ditandatangani UniMAP dan institusi di Indonesia telah meningkat sebanyak 25 MoU.

9. Saya percaya jumlah tersebut akan semakin meningkat di masa hadapan dengan adanya hubungan yang erat ini. Hubungan UniMAP dan Indonesia tidak hanya tertumpu kepada pertukaran staf dan pelajar semata-mata. Kita juga turut bekerjasama dalam memajukan bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Kerjasama penyelidikan, yang terbesar adalah di bidang geopolimer terutama berkenaan Lumpur LUSI di Sidoarjo antara GeoGtech dan Prof. Dr. Ir. Djwantoro Hardjito dari Petra Christian University. Selian itu kedua-dua negara juga turut bekerjasama menganjurkan, Asia Summer Program (ASP) dan Asian University Presidents Forum (AUPF).

HUBUNGAN UniMAP DAN MEDAN

10. Dengan kerjasama yang erat dibumi Indonesia ini, maka hubungan UniMAP dengan masyarakat Medan bukanlah kali pertama pada hari ini, UniMAP telah banyak mengadakan aktiviti di Medan antaranya:

- i. Program CSR pada 2012
- ii. Seminar Antarabangsa Geopolimer dan Teknologi Hijau,
- iii. Lawatan Rasmi untuk membincangkan halatuju IPT dengan Wali Kota
- iv. Memenuhi Undangan Wisuda (Konvokesyen)
- v. Post Graduate Talk
- vi. Menyampaikan Ucaptama di REDSTAR dan Seminar Informatika
- vii. Program Dialog Siaran Langsung TVRI SUMUT bersama pemimpin PTS Medan.

11. Saya percaya dengan hubungan kerjasama yang sedia terjalin ini akan membolehkan pelbagai program dapat direncanakan bersama dalam pelbagai bidang. Sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis saya menjemput ibu-ibu dan bapak-bapak untuk datang melawat ke universiti kami.

PENUTUP

12. Saya mengharapkan melalui seminar ini, akan ramai masyarakat Medan, terutamanya pensyarah perguruan tinggi di Medan ini yang akan menuntut pengajian program PhD di UniMAP khususnya dalam jurusan Kejuruteraan dan Perniagaan Antarabangsa, disamping mengukuhkan hubungan ukhwah antara kita semua, InsyaAllah.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.